

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SBP300 - Teori Pembangunan II

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Arahan:**

Sila jawab TIGA (3) soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

Soalan 1

Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pergantungan (*dependence*)? Terangkan dan bandingkan antara bentuk-bentuk pergantungan sejarah (*historic forms of dependence*) yang telah menghalang pembangunan Dunia Ketiga mengikut alasan Theotonio Dos Santos.

Soalan 2

Dengan merujuk kepada petikan yang di bawah, bincangkan bagaimana dasar dan peranan pemerintah (*state policies and role*) telah menjayakan rancangan perindustrian berorientasi eksport (*export-oriented industrialization*) di beberapa negara perindustrian baru (*newly industrialized countries*):

Salah satu daripada mitos-mitos yang menyelubungi negara-negara perindustrian baru ialah idea bahawa negara-negara tersebut merupakan ekonomi pasaran bebas (*free market economies*) yang lebih kurang sama seperti Amerika Syarikat ... namun demikian negara-negara perindustrian baru (kecuali mungkin Hong Kong) sukar dijadikan contoh perdagangan bebas. Hukum pasaran (*the laws of the market*) memang beroperasi di Singapura, Taiwan dan Korea Selatan tetapi tertakluk kepada kekangan atau 'panduan' yang dikenakan oleh golongan elit pemerintah.' (terj. drp. Walden Bello dan Stephanie Rosenfeld, 'The Rise and Crisis of the Dragon Economies', 1993).

...2/-

Soalan 3

Secara ringkas huraikan maksud konsep separuh pinggir (*semi-periphery*) yang dicadangkan oleh Immanuel Wallerstein dan perspektif sistem-dunia (*world-system*). Setujukah anda bahawa konsep separuh pinggir tersebut merupakan satu sumbangan teoritis yang penting kepada kefahaman tentang perhubungan antara pusat (*core*) dengan pinggir (*periphery*) dalam bidang pengajian pembangunan?

Soalan 4

'Kurang pembangunan (*underdevelopment*) ialah satu proses sejarah yang berasingan (*a discrete historical process*) yang tidak semestinya dilalui ekonomi-ekonomi yang telah mencapai paras pembangunan yang tinggi.' Bincangkan bagaimanakah kenyataan seperti ini (Celso Furtado, 1964) merupakan asas umum bagi pelbagai kritik radikal terhadap andaian dan alasan teori modenisasi mengenai jalan pembangunan yang perlu diikuti sesebuah 'masyarakat tradisional'.

Soalan 5

Bincangkan persamaan dan perbezaan utama antara pandangan Bill Warren bahawa 'imperialisme ialah perintis kapitalisme' dengan pendekatan pergantungan yang menganggap imperialisme dan kapitalisme sebagai halangan kepada pembangunan bebas di negara kurang membangun.

Soalan 6

Huraikan maksud syarat perdagangan (*terms of trade*). Dengan merujuk kepada sumbangan teoritis Raoul Prebisch dan pendekatan strukturalis, bincangkan prospek syarat perdagangan jangka panjang bagi sesebuah ekonomi yang bergantung kepada pengeksporan komoditi utama (*primary commodities*) dalam perhubungan perdagangannya dengan ekonomi perindustrian.